



**UCAPAN YB TUAN ANTHONY LOKE SIEW FOOK  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
SEMPENA  
MAJLIS PECAH TANAH CADANGAN MENAIK TARAF  
LAPANGAN TERBANG TAWAU, SABAH**

**26 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT)**

---

Terima kasih saudara/i pengacara majlis.

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Yang Berhormat [Nama Tetamu Kehormat],

Rakan-rakan media, dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Saya berasa amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini dalam Majlis Pecah Tanah Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Tawau. Majlis ini amat bermakna kerana ia menandakan bermulanya sebuah projek infrastruktur yang besar dan

strategik, bukan sahaja untuk daerah Tawau malah untuk seluruh negeri Sabah.

2. Izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), agensi-agensi berkaitan, serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama sehingga majlis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Hadirin yang saya hormati,

3. Lapangan Terbang Tawau mula beroperasi pada tahun 2001 dengan kapasiti reka bentuk sebanyak 1.5 juta penumpang setahun. Namun, pada tahun 2019, jumlah penumpang telah mencecah 1.83 juta orang, iaitu 22 peratus melebihi kapasiti asal. Situasi ini menyebabkan berlakunya kesesakan di ruang daftar masuk, imigresen, pemeriksaan keselamatan dan ruang menunggu. Ini jelas menunjukkan bahawa projek menaiktaraf adalah amat mendesak bagi memastikan Lapangan Terbang Tawau mampu menampung pertumbuhan penggunaannya.
4. Justeru itu, Kerajaan Perpaduan melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) telah meluluskan projek menaiktaraf ini dengan kos sebanyak RM120.9 juta di bawah

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Skop utama projek termasuklah pembesaran terminal utama dengan penambahan serta pengubahsuaian ruang lantai, penambahan jambatan udara, naik taraf apron pesawat, serta penambahbaikan sistem penghawa dingin, keselamatan, kawalan akses, lif, eskalator, sistem maklumat penerbangan dan kemudahan moden lain. Projek ini akan meningkatkan kapasiti Lapangan Terbang Tawau daripada 1.5 juta kepada 2.5 juta penumpang setahun.

5. Apabila siap kelak, Lapangan Terbang Tawau akan berubah wajah menjadi sebuah lapangan terbang moden, selesa dan selamat. Dengan pengasingan penuh penumpang domestik dan antarabangsa mengikut piawaian antarabangsa, lapangan terbang ini akan dapat memberikan pengalaman lebih baik kepada semua pengguna.
6. Lebih daripada itu, projek ini bakal menjadi pemangkin utama pertumbuhan pelancongan Sabah, merancakkan pembangunan ekonomi tempatan, serta memperkukuh kedudukan Tawau sebagai hab penerbangan penting di rantau Borneo.

7. Saya yakin dengan sokongan semua pihak, dan harap projek ini akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan menepati jadual. Oleh itu, saya menyeru agar semua pihak yang terlibat terus komited dan bekerja secara berpasukan demi memastikan projek ini memberi manfaat yang optimum kepada rakyat Sabah khususnya.
8. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, dan saya berharap agar projek ini akan menjadi satu lagi bukti kesungguhan Kerajaan MADANI dalam menyediakan kemudahan infrastruktur pengangkutan yang lebih mampan untuk rakyat.
9. Dengan sukacitanya, saya merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Tawau, Sabah.

Sekian, terima kasih.